

**SEJARAH PERKEMBANGAN BANDAR TAPAH DAN SENIBINA  
PENINGGALAN PENJAJAH HINGGA KINI**

**Jafri Merican bin Din Merican**

**Diploma Senibina Tahun 4  
I.T.M. Shah Alam**

Kajian akhir ini telah dilaksanakan sebagai memenuhi kehendak kursus untuk matapelajaran History of Architecture ARC 471 dengan Tajuk:

SEJARAH PERKEMBANGAN BANDAR TAPAH DAN SENIBINA  
PENINGGALAN PENJAJAH HINGGA KINI

Nama Pelajar: JAFRI MERICAN BIN DIN MERICAN  
No. K/P I.T.M.: 84667630  
No. K/P Persekutuan: A0350933  
Kursus dan Tahun: Diploma Senibina Tahun 4  
Kampus: I.T.M. Shah Alam

Kajian ini telah disemak dan diluluskan oleh:

---

En. Abdul Ghani b. Mohd Desa

---

Tarikh

## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.1 Pengenalan

Tapah ialah sebuah bandar di selatan Negeri Perak yang terkenal ke seluruh negara terutama sekali kepada pelancung-pelancung dari luar dan dalam negeri yang berkunjung ke Cameron Highlands. Ini kerana kedudukannya di kaki bukit di Banjaran Titiwangsa menjadikannya persimpangan jalan untuk ke kawasan peranginan tersebut dari lebuh raya utara-selatan.

Selain daripada menjadi ibu-daerah jajahan Batang Padang, Tapah ialah bandar yang terkanan sekali di daerah ini di mana ketua-ketua jabatan beribu pejabat. Sejak tahun 1889 lagi Tapah telah mula dibina sebagai ibu daerah jajahan Batang Padang oleh Kerajaan British. Tapah telah terpilih daripada kampung-kampung lain kerana kedudukannya yang istimewa. Ia bukan sahaja terletak di tebing sungai terbesar daerah ini iaitu Sungai Batang Padang, malah Tapah juga berada di tengah-tengah kawasan perlombongan bijih timah yang terdapat di mukim Batang Padang, Chenderiang dan Bidor. Tambahan pula pada masa itu penduduknya seramai 1,800 orang menjadikannya tempat yang teramai sekali penduduk di jajahan ini.

Oleh yang demikian, jika diperhatikan dari segi senibina bandar Tapah maka banyaklah terdapat bangunan-bangunan kolonial peninggalan penjajah. Ini selaras dengan perkembangannya di bawah pemerintahan British yang mana Jabatan Kerja Raya pada masa itu telah membina bangunan-bangunan kerajaan seperti pejabat daerah, bangunan mahkamah, pejabat pos, balai polis, balai bomba, sekolah dan rumah sakit. Selain itu rumah-rumah kedai telah dibina menggunakan batu-bata dan mempunyai kaki lima berteduh atau "verandah way" dengan usaha peniaga-peniaga yang bertumpu ke sini.

Kajian ini akan meneliti sejarah perkembangan bandar Tapah dan memberi penekanan dalam aspek senibina peninggalan penjajah.

## 1.2 Definisi Kajian

Tajuk kajian ini ialah "sejarah perkembangan bandar Tapah dan senibina peninggalan penjajah hingga kini". Di sini terdapat dua aspek yang berkait rapat untuk diteliti oleh kajian ini iaitu pertamanya sejarah perkembangan bandar ini dan keduanya kaitannya dengan senibina peninggalan penjajah. Sebagai suatu kajian senibina, aspek kedua adalah diberi penekanan.

Dalam mengkaji sejarah perkembangan, kajian akan meneliti bagaimana bermula terjadinya bandar, faktor